

06 JAN 1997

Hashimoto-Malaysia

LAWATAN HASHIMOTO BERI LALUAN KEPADA PERKONGSIAN BARU JEPUN-MALAYSIA

Oleh: E.Sivabalan & M.Jegathesan

KUALA LUMPUR, Jan 6 (Bernama) -- Lawatan rasmi dua hari Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto ke Malaysia mulai Rabu ini akan membuka dimensi baru bagi kerjasama Tokyo-Kuala Lumpur yang akan diasaskan dengan konsep "perkongsian".

Duta Jepun ke Malaysia Issei Nomura berkata Jepun dan Malaysia yang mempunyai hubungan saling bergantung sekarang perlu berusaha membina "kerjasama perkongsian".

"Jepun dan Malaysia perlu berkerjasama sebagai rakan kongsi di masa depan," katanya kepada Bernama dalam satu temuramah khas di Kedutaan Jepun di sini hari ini.

Dalam menekankan perlunya Jepun mempelajari banyak dari Malaysia, Nomura berkata hubungan Tokyo dengan Malaysia setakat "memberi bantuan" harus diberhentikan dan digantikan sebagai "rakan kerjasama".

Beliau yakin lawatan Hashimoto akan mempertingkatkan lagi hubungan dua hala yang sedia kukuh antara kedua-dua negara.

"Perdana Menteri Hashimoto juga mahu memperkukuhkan perhubungan peribadinya dengan Dr Mahathir," katanya sambil menambah bahawa kali terakhir kedua-dua pemimpin itu bertemu ialah di Tokyo Februari tahun lepas.

Nomura berkata hubungan Jepun-Malaysia perlu mencerminkan perubahan-perubahan politik, ekonomi dan sosial di kedua-dua negara dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

"Kita tidak boleh teruskan dengan cara kita selama ini," kata Nomura.

Katanya keputusan Hashimoto meneruskan penjelajahannya ke Malaysia dan empat lagi negara Asia Tenggara - Brunei, Indonesia, Vietnam dan Singapura -- mulai esok di tengah-tengah krisis tebusan di Peru menunjukkan keazman kuat beliau untuk memperkukuhkan hubungan dengan negara-negara Asean.

Krisis tebusan di Lima, Peru itu bermula pada 17 Dis apabila sekumpulan gerila pergerakan revolusi Tupac Amaru (MRTA) merempuh masuk ke kediaman duta Jepun di Lima ketika majlis perayaan ulang tahun Maharaja Akihito diadakan.

Nomura berkata Hashimoto akan juga meminta pendapat Dr Mahathir mengenai berbagai isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

"Saya perlu katakan bahawa Dr Mahathir telah menjadi Perdana Menteri selama 15 tahun dan Hashimoto sangat-sangat mahu mendengar pendapatnya," katanya.

Beliau berkata Hashimoto juga akan berbincang dengan Dr Mahathir mengenai cara mempertingkatkan hubungan Jepun-Asean oleh kerana Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat peringkat menteri Asean yang ke-30 dan juga sidang kemuncak tidak formal Asean tahun ini.

Katanya kedua-dua perdana menteri itu mungkin juga akan berbincang mengenai Myanmar, semenanjung Korea, alam sekitar, keganasan dan operasi damai.

Mengenai Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), Nomura berkata Jepun gembira kerana ia telah menjadi realiti melalui berbagai dialog melibatkan negara-negara Asia timur.

Katanya Jepun menyokong konsep dialog Asia Timur dan kerjasama dalam berbagai bidang "tetapi kami tidak berkata bahawa kami tidak menyokong EAEC."

"Masalahnya ialah mengenai perasmian EAEC...ada negara-negara yang

melihatnya dengan syak wasangka. Inilah yang akan berada dalam pemikiran Hashimoto dalam perbincangannya dengan Dr Mahathir nanti," katanya.

Diminta mengulas mengenai kritikan ke atas syarikat-syarikat Jepun kerana lambat memindahkan teknologi, Nomura berkata akhir-akhir ini syarikat-syarikat baru Jepun yang datang ke Malaysia membawa teknologi baru.

"Mereka ada melakukannya (memindahkan teknologi)," kata Nomura sambil menambah "Saya harap sektor swasta dapat lakukan lebih lagi."

Beliau juga memberi jaminan bahawa syarikat-syarikat Jepun tidak akan keluar dari Malaysia walaupun kadar gaji di negara ini sedang meningkat. "Syarikat-syarikat Jepun berkomited mengekalkan pelaburan mereka di sini," katanya.

Nomura juga berkata syarikat-syarikat antarabangsa Jepun seperti Matsushita agresif dalam usaha menempatkan rakyat Malaysia pada jawatan-jawatan penting.

Beliau berkata masanya juga telah tiba syarikat Jepun dan Malaysia mengadakan usahasama melabur di negara ketiga.

Mengenai masa depan ekonomi Jepun yang mengalami "buih pecah" awal tahun 1990'an, Nomura berkata ia sedang meningkat dengan baik.

-- BERNAMA

ES JSM WAT